

Publication : **Berita Harian**  
Date : 4 November 2017  
Section : Nasional  
Page : 59  
Headline : Hua Yang majukan projek Oval di Johor  
PR Value : 31,350.56

## Hua Yang majukan projek Oval di Johor

**Hua Yang** Berhad (Hua Yang), pemaju perumahan mampu milik yang sudah lama bertapak di Johor Bahru memperkenalkan pembangunan terbaru di Johor memabitkan kawasan berstatus hak milik kekal seluas 1.59 hektar.

Ia terdiri daripada 64 unit rumah kluster dan dua unit banglo berangkai memabitkan nilai pembangunan kasar (GDV) RM41.72 juta.

Projek itu adalah sebahagian daripada Oval yang menjadi fasa pertama Elemence, iaitu projek pembangunan bercampur lapan fasa di Taman Denai Alam, Johor Bahru.

Secara keseluruhan, Elemen- ce meliputi keluasan 29.2 hektar tanah hak milik kekal dengan anggaran GDV keseluruhan RM375 juta.

Pengurus Hua Yang Johor, Casey Wong, berkata syarikat sudah bertapak di Johor sejak 1993 dan negeri itu menjadi antara penyumbang pendapatan terbesar kumpul- an, iaitu 35 peratus menjelang suku pertama 2018.

"Oleh itu, pasaran Johor amat penting kepada kami dan projek ini selari dengan objektif untuk mengembangkan operasi di selat- an tanah air.

"Elemence terletak di lokasi yang sangat strategik di koridor timur Iskandar Malaysia dan dengan itu kami menjangkakan Oval akan mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kal- an rakyat Johor memandangkan permintaan yang tinggi ke atas rumah mampu milik di kawasan ini," katanya.

Wong berkata, rumah kluster

Oval bersaiz 2,170 kaki persegi dijual dengan harga RM680,000, manakala banglo berangkai pula bersaiz 2,569 kaki persegi pada harga RM905,962 yang semuanya dijangka siap pada akhir 2019.

Katanya, projek pembangunan itu dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh lima hingga enam tahun ini dengan turut memab- bitkan pembinaan rumah kedai, rumah berkembar dan rumah di bawah Skim Perumahan Mampu Milik Johor (RMMJ).

Beliau berkata, Oval boleh diakses melalui Jalan Kota Masai 1 dan Jalan Canggung serta berhampiran dengan Pelabuhan Pasir Gudang, Pelabuhan Tanjung Langsung dan bandar raya Johor Bahru.

Untuk maklumat lanjut boleh layari <http://elemence.com.my>.

